

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 19, 2017 6:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Revolusi Industri 4.0 Dibimbangi Lahirkan Manusia Tanpa Roh



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 NOVEMBER 2017 / 30 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

REVOLUSI INDUSTRI 4.0 DIBIMBANGI LAHIRKAN MANUSIA TANPA ROH



UUM ONLINE: Situasi ekonomi yang tidak berperikemanusiaan (*inhumane economy*) dipandu oleh rasa tamak haloba (*incessant greed*), nilai, prinsip dan polisi yang menghilangkan sifat kemanusiaan antara dibimbangi dibawa oleh Revolusi Industri 4.0.

Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Tun Dato' Seri (Dr.) Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim berkata penyertaan manusia yang semakin mengecil dan digantikan dengan teknologi robot

membawa persoalan mengenai rupa bentuk kemajuan insaniah yang akan dibawa oleh Revolusi Industri 4.0.

"Dalam Revolusi Industri 4.0 ramai pakar melihat tugas hakiki manusia akan digantikan oleh tenaga robotik yang mengakibatkan jutaan manusia akan kehilangan pekerjaan khususnya dalam sektor pengilangan.

"Kita dapat menyaksikan sendiri hari ini kebanyakan tugas utama yang melibatkan perkhidmatan, telepemasaran dan broker hartanah boleh dilakukan menerusi proses automasi hasil bantuan perisian.

"Konsep pengilangan lambakan yang diperkenalkan telah membawa keuntungan tetapi apa yang harus difikirkan ialah isu yang melibatkan kemanusiaan seperti keprihatinan, keadilan, kesejagatan, kemesraan dan kesejahteraan akan ditolak seolah-olah 'manusia tanpa roh' wujud berikutan Revolusi Industri Keempat," ujarnya ketika berucap pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen UUM ke-30 di Dewan Mu'adzam Shah.

Menurut beliau lagi keutuhan negara juga akan tergugat apabila ekonomi dan rakyat negara lemas dalam kawalan pemodal asing dan negara akan berada dalam situasi penjajahan semula apabila warganya menjadi kumpulan pekerja yang cenderung bertindak seperti mesin.

Justeru beliau menasihati para graduan untuk mengambil tanggungjawab membina keupayaan serta kekuatan dalam menginsankan teknologi.

"Kita harus berani berinovasi dan menggunakan 'strategi lautan biru' dengan penuh keyakinan dan tidak menunggu ketibaan seorang penyelamat kerana diri kitalah sebenarnya penyelamat. Penerapan jiwa yang merdeka sepanjang masa perlu diperluaskan dalam konteks masyarakat di Malaysia bagi persediaan mendepani cabaran dan peluang Revolusi Industri 4.0," tambahnya.

Seramai 702 graduan menerima ijazah masing-masing pada sesi ketiga Konvokesyen yang disampaikan oleh Tun Ahmad Fairuz.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.